


**Bahagian A**

[50 markah]


*Jawab mana-mana lima soalan sahaja.*

- 1** (a) Rajah 1 di bawah berkaitan dengan tujuan perniagaan.



Terangkan **tiga** kaedah yang boleh digunakan oleh organisasi **X**. [6 markah]

- (b) Jelaskan kelebihan perniagaan francais kepada francais? [4 markah]
- 2.** (a) Pihak kerajaan telah mewujudkan beberapa pelepasan cukai dalam sektor-sektor tertentu. Jelaskan pelepasan cukai tersebut. [4 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan trend persekitaran perniagaan.

**Gambar 1**

- (i) Apakah trend perniagaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Mengapakah trend di 2(b)(i) boleh berlaku? [5 markah]

3. (a) Apakah kesan kegagalan perniagaan mencapai matlamat dan objektif. [4 markah]


- (b) Gambar 2 berkenaan dengan suatu bahagian fungsian.



**Gambar 2**

Nyatakan peranan bahagian fungsian tersebut. [3 markah]

- (c) Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah pembangunan produk baharu.




**Rajah 2**

Jelaskan **X**.

[3 markah]

- 4 (a) Gambar 3 menunjukkan satu iklan jawatan kosong.



**Gambar 3**

Terangkan kemahiran kebolehkerjaan yang perlu ada pada calon yang memohon jawatan tersebut. [6 markah]

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Hazim.

Encik Hazim merupakan seorang penyanyi terkenal di rantau ini. Dia telah membuat rakaman lagu Tahun Baru Cina di Negara China.

Terangkan sumber teknologi yang diperlukan semasa rakaman tersebut. [4 markah]

- 5 (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu pemilikan perniagaan.

Milikan perniagaan	: Milikan Tunggal
Aktiviti	: Menghasilkan makanan sejuk beku
Nama pemilik	: Puan Idhayu
Modal permulaan	: RM30 000
Simpanan peribadi dalam bank	: RM25 000
Simpanan keuntungan perniagaan terkumpul dalam akaun semasa	: RM50 000

Terangkan sumber pembiayaan yang diperlukan oleh perniagaan yang diusahakan oleh Puan Idhayu. [4 markah]

- (b) Maklumat berikut merupakan Kunci Kira-kira yang disediakan oleh Halili Beauty pada 31 Disember 2019.

<b>Halili Beauty</b>		<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Kunci Kira-kira bagi tahun berakhir 31 Disember 2019</b>			
<b>A</b>			
Kenderaan		60 000	
Perabot dan kelengkapan		35 000	
		<hr/>	
		95 000	
<b>B</b>			
Stok		36 000	
Penghutang		5 000	
Bank		28 000	
		<hr/>	
		69 000	
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pembiayaan		55 000	14 000
		<hr/>	
		109 000	
<b>C</b>			
Modal Awal		90 000	
Untung Bersih		19 000	
		<hr/>	
		109 000	

- (i) Berdasarkan penyata kewangan yang diberikan, kenal pasti **A**, **B** dan **C**? [3 markah]
- (ii) Apakah kegunaan penyata kewangan di 5(b)? [3 markah]

6. (a) Penyataan berikut berkenaan dengan Restoran Ilham Seafood Family.

Restoran Ilham Seafood Family telah dibuka di Kulai sejak tahun 2006. Restoran ini telah membuka lebih 40 buah cawangan restoran di Malaysia. Pemilihan lokasi yang sesuai adalah faktor yang penting dalam membuka cawangan restoran ini.

Apakah ciri lokasi yang sesuai yang perlu dipertimbangkan oleh pengurusan Restoran Ilham Seafood Family? [6 markah]

(b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang peniaga setelah memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan. [4 markah]

**BAHAGIAN B**

[ 30 markah ]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 7(a) Maklumat dibawah berkaitan dengan Pn Dyana dan Pn Damia yang menjalankan salun di Taman Anggerik, Kulai, Johor.

Dyana's Saloon	Damia's Saloon
 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menggunting rambut, mendandan rambut dan merawat kuku</li> <li>● Menghadapi masalah kewangan untuk memajukan peniagaan</li> <li>● Pengalaman : 10 tahun</li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menggunting dan membuat rawatan rambut, jurumekap dan membuat rawatan muka.</li> <li>● Mempunyai lebihan modal sebanyak RM55 000.</li> <li>● Pengalaman : 2 tahun</li> </ul>

- (i) Jelaskan tindakan yang boleh dilakukan oleh Pn Dyana dan Pn Damia agar mereka dapat mencapai kejayaan bersama? [4 markah]
- (ii) Apakah prosedur penubuhan yang perlu dilakukan oleh Pn Dyana dan Pn Damia bagi melaksanakan tindakan di 7(a)(i) ? [6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan analisis faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

Faktor dalaman adalah faktor yang boleh memberi kekuatan dan kelemahan kepada sesebuah syarikat.

Jelaskan faktor-faktor yang membawa perubahan tersebut? [ 5 markah ]

- 8(a) Maklumat berikut diambil dari penyata kewangan Perniagaan Farish Enterprise bagi tahun kewangan 2019

<b>Butiran</b>	<b>Tahun 2019 (RM)</b>
Kos Jualan	230 700
Stok Purata	65 000
Jumlah Stok	118 800

- (i) Kirakan nisbah pusing ganti stok Perniagaan Farish Enterprise? [3 markah]  
 (ii) Justifikasikan kedudukan kewangan di 8(a)(i) sekiranya pusing ganti stok pada tahun 2018 adalah 4.5 kali? [3 markah]

- (b) Gambar di bawah menunjukkan agensi yang menawarkan pembiayaan kepada usahawan.



- (i) Apakah bentuk kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh agensi di atas kepada usahawan untuk memulakan perniagaan ? [3 markah]  
 (ii) Jelaskan kekuatan dan kelemahan yang sumber pembiayaan di 8(b)(i) ? [6 markah]

9 Maklumat di bawah berkaitan Perniagaan Encik Darwisy.

Encik Darwisy telah mencebur dalam bidang penyediaan makanan dengan membuka sebuah restoran iaitu ‘Restoran Sedap Sangat’. Restoran ini terletak di bandar Kulai dan bersebelahan Pasar Raya Ria. Produk makanan yang ditawarkan adalah berkualiti serta memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat. Selain itu, harga yang ditawarkan juga adalah berpatutan dan mampu milik. Restoran ini sentiasa menerima permintaan yang tinggi daripada pelanggan. Namun begitu, Encik Darwisy sentiasa membuat pelbagai promosi bagi memastikan matlamat perniagaannya tercapai. Beliau juga telah mengikuti latihan dibawah Program Khidmat Nasihat Majlis Amanah Rakyat.

- (a) Terangkan kekuatan diri yang ada pada Encik Darwisy ? [6 markah]
- (b) Mengapa En Darwisy masih mengikuti latihan anjuran Majlis Amanah Rakyat? [3 markah]
- (c) Huraikan jenis promosi yang dilakukan oleh Encik Darwisy bagi memastikan matlamat perniagaan tercapai ? [6 markah]

**Bahagian C**  
**[20 markah]**  
**Soalan ini wajib dijawab**

10. Qamarina sangat meminati bidang rekaan fesyen sejak zaman sekolah lagi. Beliau merupakan seorang pemegang Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan sebelum melanjutkan pelajaran peringkat ijazah di London College of Contemporary Arts di London, United Kingdom dalam jurusan yang sama. Kini beliau merupakan seorang usahawan yang berjaya. Beliau merupakan seorang pengurus serta pemilik Syarikat Que Qamarina Sdn Bhd. Beliau juga mempunyai kedai pakaian muslimah di Kulai serta mampu menggajikan 20 orang pekerja sejak tiga tahun yang lalu.

Sebelum membuka perniagaan sendiri, Qamarina pernah bekerja sebagai Pensyarah Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti selama lima tahun. Beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan meninggalkan pendapatan yang agak lumayan sebagai tenaga pengajar kerana minat yang mendalam dalam dunia perniagaan. Ekoran dengan keinginan yang mendalam tentang perniagaan, beliau telah membuat kajian mengenai trend pemakaian kaum wanita di sekitar Kulai dan kawasan berhampiran. Hasil dapatannya mendapati wanita di situ suka berpakaian yang berkonsepkan *trendy* tetapi masih mengekalkan gaya Muslimah. Beliau memahami kesukaran wanita bersaiz besar yang ingin bergaya dan memiliki pakaian yang cantik. Oleh itu, beliau turut menjual aneka blaus daripada saiz XS hingga ke saiz 5XL.

Pada peringkat awal, beliau hanya menjual atas talian dengan mengambil tempahan pelanggan berdasarkan reka bentuk dan minat pelanggan yang sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran semasa. Pada waktu itu, beliau membuka perniagaan dengan menggunakan wang simpanan sendiri tanpa memohon bantuan pembiayaan daripada mana-mana pihak. Setiap bulan, beliau akan menerima tempahan sebanyak 150 helai pakaian. Dari situ lah tercetus idea untuk membuka sebuah syarikat yang mengeluarkan pakaian Muslimah untuk wanita. Kini, syarikatnya mampu mengeluarkan produk berjenama Que Qamarina mampu menghasilkan sehingga 4 000 helai pakaian setiap bulan.


Berikut adalah antara sumber fizikal yang digunakan oleh Qamarina bagi melancarkan operasi perniagaannya. Beliau juga sentiasa memantau jadual penyelenggaraan mesin-mesin di premisnya. Semua pekerja yang mengendalikan mesin mesti mempelajari cara-cara menggunakan dengan betul serta memastikan semua mesin memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan.



Selain itu, beliau juga telah mengambil insurans kebakaran dan memastikan premis perniagannya dilengkapi dengan alat pemadam api, kamera litar tertutup, alat penggera dan mempunyai laluan kecemasan. Beliau juga mengambil insurans kecurian bagi melindungi peralatan dan stok perniagaannya.

Setelah 10 tahun beroperasi, setelah perniagaan maju dalam pengeluaran blaus wanita, Qamarina mengambil keputusan untuk menghasilkan baju kurung, baju melayu dan jubah terdiri daripada saiz kanak-kanak hingga ke saiz dewasa bagi memenuhi permintaan pengguna yang ingin sedondon seisi keluarga. Qamarina juga telah membentuk struktur pentadbiran yang lebih tersusun bagi memastikan semua peringkat pengurusan dapat dipantau dengan lebih berkesan.

Qamarina memperolehi stok kain dari negara China, Thailand, Vietnam dan Indonesia. Semua proses urusniaga dan pengurusan perniagaan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini. Berikut merupakan tatacara pembelian kain-kain :



Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- Terangkan **dua** ciri keperibadian yang perlu ada untuk menjadi seorang usahawan seperti Qamarina. [4 markah]
- Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal yang dilaksanakan oleh Syarikat Que Qamarina Sdn. Bhd. [4 markah]
- Cadang dan lakarkan satu struktur organisasi yang bersesuaian bagi Syarikat Que Qamarina Sdn. Bhd. [5 markah]
- Pada pandangan anda, bagaimakah pertumbuhan ekonomi negara mempengaruhi perniagaan Qamarina. [2 markah]
- Jelaskan kepentingan teknologi maklumat dalam bahagian fungsian pembelian. [5 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

